



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 12 April 2019

Bil. 4/2019

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

PEMASANGAN BENDERA ANTARABANGSA DI SETIAP FAKULTI DAN INSTITUT DALAM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pelaksanaan pemasangan bendera antarabangsa di setiap fakulti dan institut dalam Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 JUSTIFIKASI

2.1 Justifikasi pemasangan bendera-bendera antarabangsa di setiap fakulti dan institut adalah seperti berikut:

2.1.1 Representasi penghormatan Malaysia terhadap negara luar. Secara khususnya, ia juga dilihat sebagai simbol alu-aluan universiti kepada pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran di UMS.

2.1.2 Memperlihatkan dan mengukuhkan lagi kerjasama universiti dengan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa.

2.1.3 Mencerminkan universiti harmoni, berbilang bangsa dan budaya, serta menginterpretasikan Malaysia sebagai sebuah negara perpaduan.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Pemasangan dan Pengibaran Bendera

- 3.1.1 Bendera yang dikibarkan adalah bendera negara-negara yang mempunyai pelajar antarabangsa dan hubungan strategik dengan Fakulti/Institut tersebut.
- 3.1.2 Bendera hendaklah dipasang secara melintang sahaja.
- 3.1.3 Bendera hendaklah dikibarkan di luar bangunan iaitu di ruang lapang yang boleh dilihat serta berada di hadapan fakulti/institut.
- 3.1.4 Mengibarkan bendera yang telah uzur seperti telah pudar warna dan koyak adalah satu ketidakwajaran.
- 3.1.5 Perintah-perintah khas pengibaran bendera yang merujuk kepada peristiwa tertentu adalah tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa.

3.2 Ukuran Bendera




Rajah 1 : Ukuran bendera

Saiz bendera yang akan dikibarkan di luar bangunan hendaklah berukuran biasa iaitu 91.5m (3 kaki) lebar; dan 183m (6 kaki) panjang.

3.3 Arah Pandangan

- 3.3.1 Arah pandangan pengibaran bendera adalah pandangan dari luar bangunan memandangi ke arah bangunan berkenaan.

- 3.3.2 Penetapan ini adalah selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Penetapan arah pandangan bendera adalah seperti Rajah 2:



Rajah 2 : Arah pandangan bendera

3.4 Susunan Bendera

- 3.4.1 Bendera hendaklah dikibarkan secara sebaris dan kekananan bermula dari tengah-tengah.
- 3.4.2 Susunan bermula dengan bendera Malaysia, diikuti oleh bendera-bendera antarabangsa berdasarkan susunan abjad nama negara-negara berkenaan. Contoh susunan seperti dalam Rajah 3 di bawah:



Rajah 3 : Susunan bendera (pandangan dari luar bangunan)

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI/ INSTITUT

- 4.1 Bendera yang dipasang hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan terjaga. Setiap fakulti/institut bertanggungjawab untuk memelihara, mengemas kini dan menyelenggara bendera di kawasan masing-masing.

- 4.2 Pemasangan bendera antarabangsa di setiap fakulti dan institut di dalam UMS adalah menggunakan bajet Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) masing-masing melalui tabung penajaan.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh diluluskan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) iaitu pada 28 Mac 2019.

"BERTEKAD CEMERLANG"



VINA ZAHRIANI YUSOF

Pendaftar

Tarikh : 12 April 2019

- s.k.: ☞ Naib Canselor
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
☞ Penolong Naib Canselor
☞ Bendahari
☞ Ketua Pustakawan